

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (MUKA DUA)

TARIKH: 14 OGOS 2019

MUKA SURAT: 2



Dr Mahathir bersama Maszlee memerhatikan gelagat pelajar SK Taman Megah, Ian Hariz Amsyar melakukan gimik pada Majlis Pelancaran Pendidikan Sivik Peringkat Kebangsaan di Putrajaya, semalam. (Foto Aizuddin Saad /BH)

Pendidikan Sivik bentuk sikap bertanggungjawab

Bertimbang rasa jadikan rakyat lebih berdisiplin, bersih, maju: PM

Oleh Irwan Shafrihan Ismail dan Suhaila Shahrul Annuar
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad berharap Pendidikan Sivik yang diperkenalkan di sekolah sejak Jun lalu akan membentuk masyarakat dan individu yang bertanggungjawab, prihatin, bertimbang rasa terhadap pihak lain.

Perdana Menteri berkata, dalam

hidup bermasyarakat, nilai hidup sifat sedemikian amat penting supaya setiap individu tidak melakukan sesuatu yang memburukkan keadaan di sekeliling mereka.

"Saya percaya bukan sahaja anak-anak kita akan menjadi orang yang *civic minded*, tetapi guru-guru semasa mereka mendidik, tentulah akan sematkan nilai sivik yang sama.

"Dengan itu, percayalah negara kita akan menjadi negara yang maju, bersih dan dipandang tinggi oleh masyarakat dunia," katanya ketika melancarkan Pendidikan Sivik Peringkat Kebangsaan, di sini, semalam.

Pendidikan Sivik dilaksanakan selama satu jam pada minggu keempat setiap bulan dalam waktu mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendi-

kan Islam, Pendidikan Moral dan Sejarah, selain turut dilaksanakan dalam perhimpunan dan aktiviti kokurikulum.

Dr Mahathir berkata, amat penting bagi masyarakat untuk memahami bahawa yang menentukan jaya atau tidak seseorang mahupun sesuatu bangsa adalah bergantung kepada nilai hidup, contohnya sifat amanah.

"Umpamanya, kita mengambil hak orang lain kerana tiada siapa melihat kerana kita berpendapat, tidak ada siapa yang akan bertindak terhadap kita.

"Kalau kita mempunyai sifat semacam itu dan anggota lain dalam masyarakat juga begitu, maka masyarakat sudah tentu akan jadi kucar-kacir, tidak tersusun, tidak tenteram tidak aman dan tidak stabil," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, Pendidikan Sivik di sekolah tidak akan menambah beban kepada guru atau murid.

"Setakat ini, belum ada demonstrasi seperti demonstrasi terhadap (isu tulisan) khat," katanya secara berseloroh.

Beliau berkata, tugas mendidik nilai sivik perlu diterapkan dalam sistem pendidikan negara memandangkan tanggungjawab itu tidak lagi boleh diletakkan kepada ibu bapa semata-mata.

"Ibu bapa juga kadangkala sibuk, mungkin apa yang diajar disampaikan, disemai dalam hati anak mereka tidak begitu baik. Oleh itu, kita perlu susun nilai hidup terbaik yang perlu diterapkan kepada anak kita, ahli masyarakat kita menerusi sistem pendidikan," katanya.

'Tandas awam kotor cermin sikap rakyat'

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui amat malu dengan keadaan tandas awam di negara ini yang kotor dan busuk, sekali gus mencerminkan sikap rakyat Malaysia yang tidak mempunyai kesedaran sivik.

Perdana Menteri berkata, Malaysia berdepan masalah sivik dalam kalangan masyarakat yang melakukan pelbagai perkara yang tidak baik seperti membuang sampah merata-rata, men-

curi air, elektrik dan lampu jalan.

"Kalau kita pergi ke negara tertentu, tandas awam mereka amat bersih. Ia bersih kerana penggunaan tidak kotorkan keadaan. Kenapa? Dia rasa bertanggungjawab dan menghargai pandangan masyarakat terhadap diri.

"Tandas di Malaysia... saya amat malu kerana saya sering kali pergi buat *inspection* tandas di Malaysia untuk tengok bersih

atau tidak, biasanya tidak, dan busuk.

"Itu mencerminkan sifat yang ada pada kita, sepatutnya kita berasa malu," katanya ketika berucap melancarkan Pendidikan Sivik Peringkat Kebangsaan 2019, di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, keadaan diburukkan lagi dengan masalah pembuangan sampah merata-rata serta contengan pada dinding yang mencemarkan pemandangan.

"Sekarang ini sampah dibuang di merata tempat dan kerana itu, kita tak dapat kebersihan yang kita idamkan. Ya, kita nak keadaan sekeliling bersih, tapi kita yang kotorkan, dan ini berlaku kerana kita tiada nilai sivik yang tinggi," katanya.

Beliau berkata, ia bukan disebabkan undang-undang yang tidak ketat, tetapi sikap individu yang gagal mengawal dan mendisiplinkan diri.